



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : GELAGAT ORGANISASI
KOD KURSUS : DSM 2103
PEPERIKSAAN : APRIL 2018
TEMPOH MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa apa-apa barang melainkan alat tulis, slip peperiksaan, kad pelajar dan barang yang dibenarkan oleh penjaga peperiksaan sahaja.
3. Sila semak dan pastikan set peperiksaan ini mengandungi:
 - i. Kertas soalan
 - ii. Kertas jawapan objektif
 - iii. Buku jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNG¹⁰ HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A


Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan objektif.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1 Sikap individu merupakan salah satu dalam konsep gelagat organisasi, manakah diantara berikut tergolong dalam sikap individu.

- A Motivasi dan tingkah laku.
- B Kemahiran berkomunikasi.
- C Umur dan tahap keterbukaan intelektual.
- D Jantina dan latar belakang kaum individu.

2



Gambar 2

Berdasarkan gambar 2, mengapakah carta organisasi penting bagi sesebuah organisasi?

- A Hubungan antara pekerja-majikan
- B Nilai teras dan kepercayaan kepada pekerja
- C Pekerja baru dapat menyesuaikan diri mereka
- D Menjelaskan jawatan dan tugas masing-masing

3 Apakah langkah yang betul dalam proses persepsi?

- i. Output
- ii. Penerimaan
- iii. Reaksi
- iv. Pengaruh
- v. Pemprosesan

A i, ii, iii ,v dan iv

B iv, ii, i,v dan iii

C ii, v, iv,i dan iii

D ii, iii, iv,v dan i

4 Apakah faktor dalaman yang mempengaruhi persepsi?

A budaya

B personaliti

C pendapatan

D latar belakang keluarga

5 Apakah persamaan antara teori keperluan Maslow dengan teori ERG di peringkat pertama?

A keperluan sosial dan keperluan fisiologikal.

B keperluan keselamatan dan keperluan sosial.

C keperluan fisiologikal dan keperluan keselamatan.

D keperluan keselamatan dan keperluan perkembangan.

6 Manakah yang **benar** mengenai kajian Universiti of Michigan?

A Tingkahlaku berorientasikan gaya autokratik.

B Tingkahlaku berorientasikan pendapatan.

C Tingkahlaku berorientasikan teori X.

D Tingkahlaku berorientasikan tugas.

- 7 Manakah antara berikut adalah motivasi kerja bagi seorang muslim?
- A Motif jasmani
 - B *Self outside*
 - C *Other inside*
 - D Sifat pekerjaan
- 8 Apakah faktor yang menyumbang kepada produktiviti pekerja?
- A tugas
 - B taraf pendidikan
 - C kerja yang tidak rasmi
 - D tugas yang saling bergantung
- 9 Sekiranya kita berpendapat individu yang suka memberi senyuman yang manis adalah individu yang baik dan boleh dipercayai. Nyatakan apakah jalan pintas yang kita gunakan untuk menilai individu berkenaan?
- A Pemilihan persepsi
 - B Kesan halo
 - C Stereotaip
 - D Jangkaan
- 10 Apakah gaya kepimpinan, sekiranya dalam Teori Laluan Maklumat, pemimpin menetapkan matlamat yang mencabar dan melihat kepada peningkatan pencapaian?
- A Sokongan
 - B Berpenyertaan
 - C Kelakuan arahan
 - D Orientasikan pencapaian

11

Pasukan ini mempunyai mempunyai :

- i. 5-12 orang ahli daripada jabatan yang sama.
- ii. Membincangkan bersama-sama untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan dan kualiti.

Pernyataan 1

Apakah jenis pasukan kerja berdasarkan pernyataan 1 di atas?

- A Pasukan maya
- B Pasukan silang
- C Pasukan kendiri
- D Pasukan penyelesaikan masalah

12 Manakah antara yang berikut merupakan faktor kepuasan pekerja?

- A upah
- B nilai
- C jarak perjalanan
- D kelengkapan pejabat

13

- ✓ Ahli kumpulan tidak mengambil bahagian dalam membuat keputusan.
- ✓ Teknik ini dikenali sebagai "round-robin"

Pernyataan 2

Apakah teknik membuat keputusan yang bersesuaian dengan pernyataan 2 di atas?

- A Teknik Delphi
- B Teknik Nominal
- C Teknik Dominan
- D Teknik *Brainstorming*

- 14 Antara berikut yang manakah **bukan** ciri-ciri mentor yang baik?
- A Delegator yang baik.
 - B Memberi maklumat kepada *protégé*.
 - C Menyokong orang bawahan dalam melaksanakan tugas.
 - D Membiarakan orang bawahan membuat keputusan penting.
- 15 Anda merupakan seorang pengurus yang menggunakan teori Y terhadap pekerjanya. Tentukan, apakah pandangan yang bersesuaian dengan Teori Y?
- A Pekerja memang tidak suka bekerja.
 - B Pekerja selalu mengabaikan tanggungjawab yang diberi.
 - C Pekerja perlu dipaksa untuk mencapai matlamat organisasi
 - D Pekerja boleh berdikari dan tidak perlu diselia sepanjang waktu.
- 16 Apakah ciri-ciri kumpulan tidak formal?
- A Kumpulan tugas
 - B Kepuasan sosial
 - C Kumpulan arahan
 - D Sosial dan budaya
- 17 Kenalpasti apakah jenis tekanan yang menunjukkan simptom seperti merokok berlebihan, melakukan penderaan, sering mabuk kerana meminum arak dan tiada selera makan?
- A Personal
 - B Kelakuan
 - C Biologikal
 - D Psikologikal
- 18 Antara berikut, yang manakah konflik yang dihadapi dalam organisasi?
- A *Role ambiguity*
 - B *Role personality*
 - C Konflik individu
 - D Konflik kuasa

- 19 Apakah ciri-ciri revolusi budaya?
- A dramatik
 - B perlahan-lahan
 - C meningkatkan motivasi
 - D meningkatkan daya pengeluaran
- 20 Tentukan apakah kepentingan peringkat sosialisasi jangkaan dalam budaya organisasi?
- A meluaskan hubungan sosial.
 - B membina hubungan di kalangan ahli organisasi.
 - C mengumpul maklumat tentang organisasi.
 - D mengumpul maklumat kedudukan sosial di organisasi

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di buku jawapan yang disediakan.

SOALAN 1

- a. Jelaskan **dua (2)** kesan tekanan kepada individu.

(4 markah)

- b. Terangkan **tiga (3)** ciri semulajadi manusia.

(6 markah)

SOALAN 2

Bincangkan **lima (5)** faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja.

(10 markah)

SOALAN 3

- a. Senaraikan **dua (2)** faktor yang mempengaruhi motivasi.

(2 markah)

- b. Beserta gambar rajah, terangkan teori *Effectiveness (E), Relateness (R), Growth(G)*.

(8 markah)

SOALAN 4

- a. Nyatakan **dua (2)** ciri pemimpin transformasional

(2 markah)

- b. Terangkan **empat (4)** ciri-ciri kepimpinan karismatik.

(8 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **DUA (2)** soalan di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

SOALAN 1

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menjangkakan bahawa masalah *stress* di tempat kerja akan menjadi ancaman utama kepada tahap kesihatan manusia menjelang tahun 2020. Walaupun setiap pekerja di seluruh dunia akan mengalami masalah ini namun persoalannya, mampukah pekerja bertahan apabila *stress* menjadi tidak terkawal?

- a. Tunjukkan **lima (5)** cara bagaimana seorang muslim menghadapi tekanan di tempat kerja.

(10 markah)

- b. Bandingkan **lima (5)** personaliti jenis A dan personaliti jenis B.

(10 markah)

SOALAN 2

Pekerja akan bermotivasi dan berpuas hati jika keperluan seiring dengan prestasi kerja yang efektif. Hal ini boleh dikaitkan dengan teori Hierarki Maslow yang telah dibangunkan oleh Abraham Maslow (1908-1970), seorang ahli psikologi yang banyak menyumbang kepada pemahaman konsep motivasi secara lebih mendalam.

- a. Bayangkan anda sebagai seorang pengurus di dalam sesebuah organisasi, apakah **lima (5)** perkara yang anda boleh lakukan untuk mengaplikasikan teori Hierarki Maslow di dalam usaha untuk meningkatkan motivasi pekerja bawahan anda?

(5 markah)

- b. Sediakan gambar rajah teori Hierarki Maslow dan tunjukkan **lima (5)** keperluan dalam teori tersebut .

(15 markah)

SOALAN 3

	<i>Know to self</i>	<i>Unknown to self</i>
<i>Known to other</i>	OPEN	BLINDSPOT
<i>Unknown to other</i>	HIDDEN	UNKNOWN

Rajah 1

- a. Berdasarkan rajah di atas terangkan **empat (4)** konsep Tetingkap Johari.
(8 markah)

b. Jelaskan **enam (6)** cara bagaimana mengaplikasikan teori Tetingkap Johari?
(12 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

